



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

HARI KELEPASAN AM SEMPENA HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG di-PERTUAN AGONG PADA 9 SEPTEMBER 2018

Putrajaya, 6 September - Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan 9 September 2018 (Ahad) sebagai hari kelepasan am di seluruh negara sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Bagi Semenanjung Malaysia, Hari Keputeraan Yang Di-Pertuan Agong telah diisytiharkan hari kelepasan am di bawah seksyen 3 Akta Hari Kelepasan Am 1951. Hari kelepasan am ini adalah termaktub sebagai hari cuti umum yang wajib diberi kepada pekerja menurut seksyen 60D(1)(a)(ii) Akta Kerja 1955. Memandangkan hari kelepasan am tersebut jatuh pada hari Ahad, seksyen 60D(b)(i) Akta Kerja 1955 memperuntukkan hari bekerja berikut selepas sahaja hari rehat tersebut hendaklah menjadi hari kelepasan berbayar sebagai ganti bagi hari kelepasan am.

Dengan itu, 10 September 2018 (Isnin) adalah cuti umum bagi negeri-negeri selain daripada negeri-negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu. **Bagi negeri-negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu** di mana hari Ahad merupakan hari bekerja, maka cuti umum yang jatuh pada 9 September 2018 (Ahad) tidak perlu diganti.

Bagi Negeri Sabah, Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah diisytihar sebagai suatu kelepasan am bagi Negeri Sabah di bawah seksyen 3 Holidays Ordinance (Sabah Cap. 56). Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah telah mengisytiharkan hari kelepasan am tersebut jatuh pada 9 September 2018 (Ahad). Sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 3(3) Holidays Ordinance (Sabah Cap. 56), memandangkan hari kelepasan am tersebut jatuh pada hari Ahad maka ia hendaklah digantikan dengan hari yang berikutnya iaitu pada 10 September 2018 (Isnin).

Memandangkan cuti ini jatuh pada hari Ahad, maka pekerja layak untuk menikmati hari kelepasan am berbayar pada hari yang berikutnya iaitu 10 September 2018 (Isnin) sebagai ganti. Sekiranya pekerja dikehendaki untuk bekerja pada 10 September 2018, pekerja hendaklah dibayar mengikut kadar gaji bekerja pada hari kelepasan am sebagaimana diperuntukkan di bawah Ordinan Buruh (Sabah Bab 67).

Bagi Negeri Sarawak, Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah diisytihar sebagai suatu kelepasan am bagi Negeri Sarawak di bawah seksyen 3 Public Holidays (Sarawak Cap. 8). Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan hari kelepasan am tersebut jatuh pada 9 September 2018 (Ahad). Sebagaimana diperuntukkan di seksyen 3 yang dibaca bersama Jadual Pertama Public Holidays Ordinance (Sarawak Cap. 8), memandangkan hari kelepasan am tersebut jatuh pada hari Ahad maka ia hendaklah digantikan dengan hari yang berikutnya iaitu pada 10 September 2018 (Isnin).

Memandangkan cuti ini jatuh pada hari Ahad, maka pekerja layak untuk menikmati hari kelepasan am berbayar pada hari yang berikutnya iaitu 10 September 2018 (Isnin) sebagai ganti. Sekiranya pekerja dikehendaki untuk bekerja pada 10 September 2018, pekerja hendaklah dibayar mengikut kadar gaji bekerja pada hari kelepasan am sebagaimana diperuntukkan di bawah Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

Justeru, para majikan sektor swasta diseru untuk mematuhi peruntukan **Akta Kerja 1955**, **Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)** dan **Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76)** berkenaan dengan hari kelepasan am berbayar tersebut kepada pekerja serta pembayaran gaji kepada pekerja yang dikehendaki untuk bekerja pada hari tersebut.

###

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
6 September 2018